

# Pesakit barah payu dara sertai Ekspedisi Aconcagua

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Pink Ribbon Deeds (Pride) akan mengadakan ekspedisi mendaki Gunung Aconcagua di Argentina dalam misi memberi harapan dan keyakinan kepada pesakit barah payu dara di negara ini.

Pengerusinya, Datin Azrene Abdullah berkata, ekspedisi yang mengambil masa 26 hari bermula 14

Januari depan merupakan aktiviti simbolik yayasan itu bagi menunjukkan pesakit barah payu dara juga boleh hidup normal seperti individu lain.

Katanya, sebanyak lima pendaki akan terlibat dalam ekspedisi mencabar itu diketuai Rene'e Aziz Ahmad (**gambar**) yang juga bekas pesakit barah payu dara.

"Gunung setinggi 6,959 meter itu merupakan puncak tertinggi di Eropah Barat dan Rusia Selatan.

"Pendakian ke puncak itu adalah simbolik ketabahan dan kepayahan pesakit barah payu dara melawan penyakit yang dihidapi," katanya pada sidang akhbar Ekspedisi Pendakian Bersama Pride-Aconcagua 2007 di sini hari ini.

Pendaki lain yang terlibat dalam ekspedisi itu adalah pensyarah, Shereen Effendy Lee yang kehilangan ibu dan neneknya akibat penyakit yang sama; Pengurus Jaminan Kualiti SapuraCrest Petroleum Bhd., Khairul Ariffin Ibrahim; Jurugambar Astro, Harun Rahman dan Juruterbang MAS, Kapten Zabil Ihram Zainol.

Sementara itu, Rene'e yang juga pegawai PLUS Expressways Bhd. berkata, pendakian tersebut merupakan sesuatu yang mencabar kerana suhu pada masa itu dijangka di bawah 20 darjah celsius.

"Cabaran lain yang mungkin ditempuh adalah ribut salji, bagaimana menyesuaikan diri dengan cuaca serta ketinggian dan pada masa yang sama membawa muatan seberat 20 hingga 25 kilogram.

"Bagaimanapun, semua pendakian dan perjalanan akan mendapat nasihat pemandu profesional dari sana," katanya sambil memberitahu para pendaki juga sudah menjalani latihan sebelum ini.

Tambahnya, dia menyahut cabaran ekspedisi itu kerana mahu membuktikan bahawa pesakit barah payu dara adalah normal dan boleh melakukan aktiviti seperti biasa.

"Mungkin ramai wanita yang menghidap barah takut untuk tampil membuat pemeriksaan awal. Nasihat saya terutama kepada remaja wanita ialah agar melakukan pemeriksaan awal supaya tanda-tanda yang tidak normal pada badan dapat dikesan lebih awal dan mendapatkan rawatan segera," ujarinya.

